



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 MEI 2021 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

12 MEI 2021 (RABU)

HARI : RABU
TARIKH : 12/5/2021
M/SURAT : 1



**CAP terima aduan
ada peniaga jual
daging lembu
sehingga
RM55 sekilogram**

Nasional 14

Harga siling daging RM34 sekilogram

Peniaga beri alasan beli lembu pada harga tinggi

Kebanyakan jual daging tempatan antara RM36 hingga RM40kg ikut bahagian

Oleh Suzalina Halid, Hassan Omar, Nuraliawati Sabri dan Zuhainy Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanyakan mereka menjual daging tempatan antara RM36 hingga RM40 sekilogram mengikut bahagian dengan alasan memperoleh lembu pada harga tinggi.

Berdasarkan maklumat diperoleh, peniaga hanya menjual daging tempatan RM34 sekilogram pada waktu pagi, iaitu ketika pe-

mantauan dilakukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mengelakkan dikenakan tindakan.

Namun, harga itu berubah berdasarkan harga pasaran selepas anggota penguat kuasa beredar, khususnya pada waktu petang.

Kebanyakannya mereka menjual daging tempatan antara RM36 hingga RM40kg mengikut bahagian dengan alasan memperoleh lembu pada harga tinggi.

Penyelia prosedur operasi standard (SOP) Pasar Raja Bot di Chow Kit, Mustafa Arbaie, berkata sekurang-kurangnya tiga penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan setiap hari pada waktu pagi, namun sehingga kini pihaknya dimaklumkan tiada peniaga dikenakan tindakan.

"Semua peniaga patuh pada harga RM34kg kerana tiada yang

dikenakan tindakan, tetapi selanjutnya pada waktu petang 'acara bebas' (harga diubah) berlaku," katanya kepada BH semalam.

Tinjauan BH di Pasar Raja Bot mendapati hanya sekelintir kecil peniaga mengekalkan harga mengikut SHMMP, sebaliknya sebahagian besar mengubah menjual mengikut harga pasaran.

Peniaga, Mohd Fadhil Yahya, 48, berkata dia tidak boleh menjual daging pada harga RM34kg kerana ia adalah harga kos yang tidak menguntungkan..

"Saya jual RM38kg, namun bahagian lain seperti telur dan lemak dijual sekitar RM18kg," katanya ketika ditemui.

Beberapa juga peniaga, Farouq Haqnavaz, 33, yang menyifatkan kos pembelian lembu adalah tinggi kerana harga makanan haiwan itu semakin naik menyebabkan peniaga tidak boleh menjual pada harga RM34kg.

"Kerajaan tak jelaskan daging

jenis apa RM34kg itu sebab ada pelbagai jenis, kalau daging paha boleh cecah RM40kg," katanya.

Di Georgetown, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menerima aduan kenaikan harga daging lembu secara mendadak, terutama menjelang Aidilfitri.

Pegawai Pendidikan CAP, NV Subbarow, berkata aduan pengguna memaklumkan harga daging dijual antara RM40 hingga RM55kg.

Katanya, harga itu amat tinggi berbanding harga siling RM34kg seperti ditetapkan mengikut SHMMP.

"Perkara ini tidak sepatutnya dibiarakan dan kita harap pihaknya akan mengambil tindakan segera sekiranya menerima aduan daripada pengguna."

Tinjauan di Pasar Awam Bayan Baru mendapati tiga gerai yang menjual daging segar tempatan mengikut harga siling ditetapkan, namun dia dan peniaga lain akur bagi mengelakkan dikenakan tindakan.

Peniaga daging, Zainul Abidin

“Saya tidak boleh menjual daging pada harga RM34kg kerana ia adalah harga kos yang tidak mendatangkan keuntungan.”

Mohd Fadhil Yahya,
Peniaga



Kachi Mydin, berkata setakat ini peniaga tiada masalah mendapatkan bekalan daging segar tempatan, namun kos tinggi menyebabkan mereka terpaksa menjual pada harga lebih tinggi.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar ketika dihubungi berkata pihaknya akan mengambil tindakan segera sekiranya menerima aduan daripada pengguna.

Di Melaka, peniaga daging, Mohd Sham Samad, berkata walaupun harga jualan sepatutnya lebih tinggi daripada harga siling ditetapkan, namun dia dan peniaga lain akur bagi mengelakkan dikenakan tindakan.

HARI : RABU
TARIKH : 12/5/2021
M/SURAT : 1





ORANG ramai membeli daging sebagai persiapan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam.

Taktik tipu jual daging segar

KPDNHEP beri amaran peniaga 'lembutkan' daging sejuk beku, selain patuh harga siling

Melaka

Wujud penipuan apabila ada segelintir peniaga 'melembutkan' daging sejuk beku dan menjualnya sebagai daging segar kepada orang ramai sempena Aidilfitri ini.

Susulan itu amaran diberikan kepada penjual daging lembu di tepi jalan supaya tidak menipu selain mematuhi harga siling ditetapkan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka Norena Jaafar berkata, langkah itu

Terima aduan harga naik mendadak

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menerima aduan berhubung kenaikan harga daging segar tempatan secara mendadak di negeri ini.

Peningkatan harga didakwa berlaku sejak bermula Ramadan dan semakin melonjak ketika menjelang Aidilfitri ini.

Pegawai Pendidikan CAP NV Subbarow berkata, pihaknya menerima aduan daripada pengguna memakurkan harga daging dijual antara RM40 hingga RM55 sekiogram.

Katanya, harga itu amat tinggi berbanding harga siling RM34 yang ditetapkan mengikut Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan Hari Raya Puasa 2021 (SHMMP).

"Perkara ini tidak sepatutnya diblarkan

dan kita harap pihak berkuasa bertindak dengan segera dengan meningkatkan pemantauan di semua peringkat," katanya.

Tinjauan di Pasar Awam Bayan Baru di sini, mendapati tiga gerai menjual daging segar tempatan mengikut harga siling

Penjual, Zainul Abidin Kachi Mydin, 32, berkata, peniaga tidak mempunyai masalah mendapatkan bekalan daging segar namun kos yang tinggi menyebabkan mereka terpaksa menjualnya pada harga lebih tinggi.

"Daging berharga RM34 sekiogram itu adalah daging cincang yang dicampur dengan bahagian lain namun jual beli itu terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada pembeli," katanya.

bagi mengelakkan peniaga terabit dikenakan kompaun atau denda memandangkan pemantauan penguatkuasaan bukan sahaja dilakukan di pasar, malah membabitkan premis jualan di tepi jalan.

"Pemantauan dilakukan pada waktu pagi dan petang terutama pada tiga hari terakhir Ramadan ini memandangkan ramai pengguna membeli daging di tepi jalan sebab ingat harganya murah.

"Malah, mereka juga diberi amaran agar tidak mencampurkan antara daging segar dan beku lalu dijual harga mahal," katanya.

Norena berkata, tiada laporan diterima setakat ini

selepas tindakan segelintir peniaga di Pasar Awam Ba-chang di sini yang 'melembutkan' daging beku dan menjualnya sebagai daging segar terbongkar.

"Pemantauan terus dilakukan memandangkan pihak KPDNHEP mengamalkan dasar polisi tidak berkompromi terhadap sebarang salah laku peniaga.

"Dalam pada itu, sebanyak 704 pemeriksaan berkaitan penguatkuasaan SHMMP dijalankan sepanjang musim perayaan ini di seluruh Melaka dan pihaknya mengeluarkan enam kompaun berjumlah RM600 membabitkan kesalahan berkaitan pendaftaran harga," katanya.

- Bernama

Penetapan harga RM34 sekilo wajar

Kuala Lumpur: Penetapan harga daging iaitu RM34 se-kilogram yang diwartakan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa (HRP) 2021 adalah untuk daging biasa dan ia adalah munasabah.

Ia diputuskan secara seimbang hasil daripada kajian menyeluruh di semua peringkat daripada pengeluar, pemborong sehingga peruncit dengan semua pihak dipastikan masih boleh mendapat keuntungan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bahagian lembu seperti tulang, hati, limpa, perut, usus, ekor, daging batang pinang, daging

harimau menangis serta daging yang dibuang urat dan lemak tidak termasuk dalam harga siling SHMMP HRP 2021 dan peniaga bebas menjualnya pada harga munasabah.

Katanya, pengguna ingin mendapatkan bahagian lembu premium seharusnya bersedia untuk membayar pada harga berkenaan.

Justeru, katanya, dakwaan segelintir pihak bahawa peniaga mengalami kerugian disebabkan penetapan harga siling adalah tidak tepat.

"Peniaga masih boleh membuat keuntungan dalam tempoh pelaksanaan SHMMP HRP 2021, cuma tidak dinafikan, margin keuntungan mungkin tidak seperti hari di luar pelaksanaan SHMMP," katanya.